

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. TUAN GOBIND SINGH DEO
KAWASAN : PUCHONG

SOALAN:

YB. TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah usaha diambil untuk mengurangkan atau memansuhkan tol di kawasan Parlimen Puchong.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Kementerian Kerja Raya bersama-sama Agensi Pusat yang berkaitan (Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan) sentiasa peka mengenai isu-isu berkaitan konsesi tol lebuhraya di negara ini. Ini termasuklah kadar tol di Lebuhraya Damansara – Puchong (LDP).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menstrukturkan semula kadar tol LDP pada tahun 2007 dan bersetuju untuk mengekalkan kadar tol tersebut sehingga kini (2014). Ini bermakna pengguna LDP sebenarnya menikmati kadar tol yang lebih rendah (RM1.60 untuk Kelas 1) berbanding kadar tol yang sepatutnya mengikut perjanjian konsesi sebenar (RM2.10 untuk Kelas 1).

Untuk menambah baik dan menaikkan taraf tahap perkhidmatan lebuhraya pula, pihak konsesi (LITTRAK) telah membelanjakan peruntukan sebanyak hampir RM1 bilion bagi tujuan menaikkan taraf persimpangan LDP di Puchong Intan ke Kg. Baharu, menaikkan taraf Persimpangan TTDI dan Persimpangan Surian. Kesemua projek berkenaan telah siap dan memberikan impak untuk mengurangkan masalah kesesakan di LDP.

Untuk jangka panjang, Kerajaan dari masa ke semasa sentiasa berunding dengan pihak konsesi tol sedia ada (termasuk LITTRAK) bagi memastikan kadar tol di lebuhraya negara ini tidak membebankan pengguna.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]**

SOALAN : 269

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan dengan jadual, jumlah penerima biasiswa luar negeri Majlis Amanah Rakyat (MARA) mengikut universiti dan bidang pengajian untuk tahun 2012, 2013 dan 2014.

JAWAPAN :**Tuan Yang-DiPertua,**

Jumlah penerima pinjaman pelajaran MARA di luar negara (pelajar baru) mengikut bidang bagi tahun 2012, 2013 dan setakat September 2014 adalah seperti berikut :

Tahun/ Bidang	Sains & Teknologi	Ikhtisas	Jumlah
2012	681	320	1001
2013	955	608	1563
2014 (setakat September)	462	249	711
Jumlah	2098	1177	
Jumlah Pelajar Keseluruhan			3275